Kewajipan kita saudara² adalah un-tuk mencapai suatu penentuan akan sikap kita terhadap makna perkataan pembinaan ala sosialisem, dalam lain perkataan sosialis rekonstraksi — se-kali lagi saya ulang, mencapai satu sikap yang tegas supaya kita dapat ber-tindak dengan sewajarnya. Seluroh Tenggara Asia menanti dan melambai² kejayaan kita. Hanya dengan lenyapnya kaum penjajah dari seluroh Tenggara Asia, bahru negara² disini betul² tidak terancham kemerdekaannya. Hanya dengan lenyapnya bala tentera penjajah dalam rumah kita sendiri baharu kita boleh berasa bahwa kita adalah terselamat dari penaka hati busuk penjajah. Hanya dengan lenyapnya anjing² penjajah ditapak tangga kita baharu dapat kita bertindak ter-hadap kaum² kapitalis yang menchekek ekonomi negara.

Marilah kita mengambil penentuan sikap supaya dapat mengurak langkah dengan hati yang padu dan wajar!

Marilah kita berjuang tanpa kewas-wasan siapa dia musuh dan siapa dia kawan!

Oleh: ZAINAL ABIDIN NOORDIN.



LUCHU

*Renchana pengarang akbar Si-Mat Gabus (Peloh Sejuk meleleh) me-nulis atas tajuk "Siapakah yang ber-tanggong jawab" atas kerisik UMNO Singapura, nampaknya macham orang sedang mengigau. Banting hairan me-lihat telatah anak buah Si Mat Gabus (Peloh Sejuk) itu. Kalau hendak di-banding drama anak buah Si Mat Gabus diSingapura, maka samalah macham drama yang berlaku di Congo. Chuma bila masanya tentera Si Mat Gabus hendak dihantar keSingapura maseh lagi menjadi tanda tanya. Ban-ting takut nanti kalau² tentera Si Mat Gabus akan dihalau keluar oleh orang² Jabri (Lumumba Singapura) itu. "Ba-nyak susu perkara susu, ta' kan sama susu kuda. "Banyak luchu perkara luchu, ta' kan sama luchu UMNO Singapura".

"ISTILAH FEODALIST BANTING"

*Maka bertanya lagi Si Mat Gabus, apa ta'rif feodalist, maka berkatalah Banting, akan ta'rif feodalist yang ada dalam partai Perikatan, ialah chara² keinginan anak buah Si Mat Gabus sendiri, macham Tengku², Dato² Syed², Nik², Tun² dll. Macham Si Mat Gabus juga, dengan taital Wan²nya.

"SI GUNTOR BERPANTUN"

*Nampaknya Si Gunter pun ter-pe-lanting dengan Tindak Tanduk Banting, sampai dia meradang bukan ke-palang, nasib baik ta' termasuk long-kang. Maka berpantunlah Si Gunter (Petir) itu. Katanya "Apa guna pasang pelita kalau tidak dengan sumbunya, apa guna bermain mata, kalau ingin jadi kudanya" wah bukan main pandai Si Gunter berpantun. Sekarang giliran Banting pula untuk menjawabnya "Banyak kuda perkara kuda, ta' kan sama kuda bali. "Biarlah dianggap menjadi kuda, daripada menjadi tali. (Tali Barut).

"SEDAP DAN PEDAS"

*Ruangan pujuk akbar Si Gunter telah diberi nama dengan "Sedap dan Pedas" entah apa yang sedap dan pedas ta' tahulah. Jangan² pula sedap de-nan pendapatan sendiri, ma'alomlah orang kaya baru, kalau dulu dianggap orang, awak sebagai Tukang Gunting rambut Rakyat, tetapi.....sekarang awak telah menjadi orang² yang ber-hormat. Jadi semuanya sedap dan pedas. (Asal jangan lupa tempat ber-main sudahlah).

"HIDUP PETUALANG"

*Khabarnya anak buah Dato' Jumat hendak menubohkan partai baru, dengan nama Front Nationalist Melayu, kalau ini benar, Banting ta' dapat hendak memekikkan seruan se-bagi tanda berjuang kepada Partai baru ini, kerana Banting belum meng-tahui seruannya. Buat sementara sambutlah salam perjuangan seperti begini....."Hidup Petualang" (akur atau tidak) Jabri?.

"BANTING"

Hangat² tahi ayam

Kelas² Bahasa Kebangsaan anjuran Kerajaan Petir, yang sejak mula telah mendapat sambutan hangat dari orang ramai, terutama dari orang² Tionghua sendiri, nampaknya dimasa yang kebe-lakangan ini telah mula merusut de-nan teratur.

Kemerusutan itu memang telah di-sadari oleh Kementerian Pelajaran Singapura, yang mana sdr. Ong Nyok Lin (Menteri Pelajaran) sendiri telah berterus terang menyatakan bahawa kelas² bahasa kebangsaan itu telah ku-rang mendapat sambutan dari kalangan pelajar² yang sejak dari mula telah memberi sambutan yang agak baik ke-pada ranchangan Kerajaan Petir dalam soal hendak mengembangkan bahasa Kebangsaan itu, maka ini adalah suatu alamat bahawa kelas² bahasa Kebangsaan anjuran kerajaan Petir itu, nam-paknya tidak memberi apa² kesan yang agak baik kepada perkembangan ba-hasa kebangsaan di Negeri ini, hal ini patut diambil perhatian yang semestinya oleh Kementerian Pelajaran, an-dainya Kerajaan berchita² hendak memperkembangkan bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) di Negeri ini.

Dalam usaha kerajaan hendak memupuk semangat Kebangsaan kepada rakyat Negeri ini, maka kerajaan juga harus benar² melaksanakan tugas²nya terhadap perkembangan bahasa ke-bangsaan kepada rakyat diNegeri ini, dengan amalan² yang memberi faedah

kepada rakyat yang memberikan su-kungannya terhadap usaha² kerajaan itu, sekiranya Kerajaan hanya pandai membuat berbagai² ranchangan untuk rakyat, sedangkan rakyat tidak mendapat sesuatu hasil yang boleh diharapkan untuk kehidupan mereka, maka ini tidak memberi kesan apa². Yang demikian segala² langkah² dan usaha² kerajaan itu, seperti ayer diatas daun keladi saja.

Berhubong dengan kelas bahasa ke-bangsaan anjuran kerajaan Petir, yang telah mengalami nasib yang buruk itu, bolehlah diumpamakan seperti "Hangat² tahi ayam", oleh kerana sambutan dari pehak pelajar² kelas bahasa kebangsaan itu agak telah ber-kurangan dari sejak mulanya, maka bolehlah dikatakan bahawa ranchangan kerajaan Petir dalam hendak me-ngembangkan bahasa kebangsaan ke-pada rakyat diNegeri ini, telah gagal, atau dengan lain perkataan lagi, telah tersalah jalan.

Kerajaan Petir pada pandangan kita telah banyak kali melakukan ran-changan² "Hangat² tahi ayamnya" um-pamanya seperti ranchangan "Men-gapuskan kebudayaan kuning" ran-changan "Anti Penyakit Batuk Kering" ran-changan "Gotong Royong ala Petir" dan berbagai² lagi ranchangan yang dikatakan macham "Hangat² tahi ayam" itu telah dilaksanakan oleh Pemerentah Petir, tetapi.....semua ranchangan² itu telah menemui nasib yang malang. Inilah charanya kerajaan Petir melaksanakan ranchangan lima tahunnya.

Oleh: Y.M. Noor



Soal Perburohan diSingapura

Dalam uchapan dasar yang dibuat baru² ini oleh Yang Dipertuan Negara, beliau ada menyebutkan beberapa masalah Kaum Buroh, maka kita suka hendak mempersoalkan beberapa perkara yang agak penting untuk diperhatikan oleh pehak yang berkuasa. Masalahnya ia lah soal "Perburohan" yang telah di nyatakan juga dalam uchapan dasar itu, meskipun tidak begitu panjang dipersoalkan dalam perkara ini, namun kita nampak masalah ini adalah terlalu penting sekali untuk diperjuangkan oleh rakyat Negeri ini, terutama sekali dikalangan kaum pekerja sendiri. Menilik dari apa yang telah dinyatakan oleh Yang Dipertuan Negara dalam uchapan dasarnya itu, maka telah nyata dengan terang sekali bahawa dasar Perburohan yang diperjuangkan oleh Kerajaan Petir sekarang ini, ta' ubahnya dengan Kerajaan yang lama.

Walau pun telah berkali² Menteri Buroh sdr. K. M. Byrne menyatakan bahawa Kerajaannya akan menchuba sedaya upaya mengatasi masalah Perburohan diNegeri ini dengan segera,

namun apa yang kita nampak janji² ini maseh merupakan suatu janji yang belum dapat dilaksanakan dengan usaha yang dijalankan kearah itu. Masalah Perburohan diSingapura kini, belumlah dapat diatas lagi dengan chara yang semestinya, banyak dari hal² yang mengenai masalah Perburohan ini yang belum dapat diselesaikan, meskipun sudah setahun lebeh Kerajaan Petir memegang kuasa diNegeri ini.

Memang senang membuat janji², dalam hal ini Petir telah melakukan banyak kesalahan² yang mungkin tidak disengajanya, sebelum Pilihan Raya dulu Petir telah beriya² benar membuat janji² kepada kaum buroh, bahawa kiranya Partainya berkuasa, masalah kaum burohlah yang utama sekali hendak diselesaikan. Tetapi, kini janji² itu, semuanya telah membawa akibat. Masalah kaum buroh maseh lagi merupakan suatu masalah yang belum beris, hingga bilakah masanya masalah ini dapat diatas dengan baik maseh lagi menjadi tanda tanya kepada kita.

Seperkara yang hendak kita nyatakan disini, ialah tentang "menjadi"nya

soal Pemogokan" dimasa yang kebelakang ini, mungkin hal ini tidak begitu disadari oleh orang ramai, kerana berita² Pemogokan sangat kurang sekali disiarkan oleh pehak akhbar², kalau dibandingkan dari masa pemerintahan sdr. Lim Yew Hock dulu, ini mungkin ada sebabnya.

Oleh kerana masalah Perburohan adalah suatu masalah yang besar, maka sudahlah sepatutnya hal ini dipelihara dan diselesaikan dengan segala bijaksana, kerana masalah ini merupakan masalah "Keamanan" dan "Ketenangan" dalam lapang perusahaan dan perdagangan diSingapura. Kalau masalah ini diabaikan oleh pehak pemerintah Petir, maka sudah pasti kedudokan pemerintah juga turut terancam.

Suatu hal yang patut dikesalkan ialah memikirkan bahawa uchapan dasar Yang Dipertuan Negara itu, tidak ada menerangkan dengan sejelasnya atas masalah Perburohan ini, apa yang kita nampak hanya beberapa kesimpulan saja dari soal kaum pekerja itu yang telah dinyatakan, sedang banyak lagi

masalah² penting mengenai hal ini, nampaknya telah diabaikan, umpamanya bagaimana chara kerajaan hendak melaksanakan perbentokkan sebuah pusat perhimpunan kaum buroh di negeri ini, dan perkara² berhubung dengan perlaksanaan² undang² buroh yang baru disusun oleh pehak pemerintah itu.

Tentang masalah² pemogokan pula, kerajaan haruslah mengambil langkah² yang lebeh tegas, supaya dapat mengatasi kemungkinan² yang boleh menimbulkan pemogokan dengan chara yang berluas² itu. Dalam hal ini kerajaan patut mengawasi lebeh teliti lagi kepada langkah² yang dijalankan oleh setengah² majikan atau kaum modal besar dan kecil, yang maseh tidak mahu menghormati lagi hak² asasi kaum pekerja, kepada mereka ini, kerajaan harus bertindak tegas dengan chara yang boleh memberi kesadaran kepada mereka.

Dalam masa kerajaan Petir sedang berusaha kunonnya hendak membebaskan rakyat negeri ini dari pada belenggu penjajahan, maka kerajaan Petir harus sedar pula tentang soal penindasan kaum modal asing, maskipun memang sudah dinyatakan oleh pemerintahan Petir, bahawa kerajaannya tidak mahu menyekat penanaman modal dari luar, tetapi jangan-lah pula hal ini, hingga boleh merosakkan kedudokan dalam negeri sendiri, modal anak negeri patut juga digalakkan dengan lebeh pesat lagi, malahan kerajaan harus menggalakkan penanaman modal Nasional lebeh dulu dari pada penanaman modal dari luar itu.

Berbalik pula pada masalah Perburohan tadi, apa yang kita nampak sekarang ini, nyatalah bahawa kerajaan telah tidak dapat membentuk sebuah undang² perburohan chara yang benar² mengikut dasar sosialis, kalau ada pun hanya sosialis pada kulitnya saja, tidak pada isinya. Oleh yang demikian sudahlah kena pada masanya bagi sekalian kaum buroh menyedari hakikat ini, supaya kita tidak lagi dapat diperdaya² seperti masa yang lalu.

Kaum pekerja diSingapura jangan-lah merasa puas hati dengan adanya sebuah organisasi kaum buroh seperti T.U.C. itu, kerana T.U.C. pada pandangan kita pada masa ini, bukan lagi merupakan sebuah badan yang bebas, ini patut juga disadari oleh kaum pekerja, boleh dikatakan kebanyakkan dari puchok pimpinan T.U.C. sekarang ini adalah dipegang dalam tangan orang² Petir sendiri, malah sechara tidak langsung kita nampak Kementerian Buroh telah banyak kali champur tangan dalam hal² pergerakkan T.U.C. itu, ini sungoh dikesalkan, sepatutnya sebagai sebuah badan yang seumpama itu, harus bersih dari pengaroh² dari sebarang pehak, sama ada dari peinak kaum Kapitalis mahu pun pemerintah sendiri.

Untuk menjaga supaya T.U.C. merupakan benar² sebuah organisasi buroh yang bersih dari pengaroh² luar, maka kita fikir terpaksalah Kesatuan Buroh yang bergabong didalamnya, mengawasi dan senentiasa waspada terhadap gerakkan T.U.C. supaya ia merupakan sebuah badan yang tidak terikat kemana² pehak. Kita harus pelihara pergerakkan T.U.C. bersama², agar peristiwa lama yang berlaku di dalam T.U.C. tidak akan berulang kembali. Sekian.

Pimpinan dan Demokrasi

ASAS PARTAI

Anggota partai ialah orang² yang turut bergerak didalam sesuatu organisasi Partai, orang² ini harus menyadari akan hakikatnya mengapa ia turut ikut masuk kedalam Partai? Dan ia harus tau akan undang² dasar Partai itu, dan rukun tetangganya, sebagai kesimpulan lannya ia harus tau asas pokok politik, organisasi yang dianutnya, garulah ia dapat diakui seorang anggota Partai yang sebenarnya. Kita akan merasa heran jika sesorang menjadi anggota sesuatu Partai, ia tidak tau asas Partai yang diikutnya itu, berarti tujuan dan chita² Partai itu tidak diketahuinya sama sekali.

Orang yang seperti ini, hanya ikut² sahaja, ini memang banyak kedapatan, orang yang seperti ini, tidaklah dapat menguntungkan Partai, bahkan adalah merugikan; Kekuatan Partai tidaklah dapat diukur dari segi banyaknya anggota, jika anggota Partai itu, hanya orang² yang serupa ini, orang² seperti inilah, yang mudah sekali meninggalkan organisasinya, sebab ia tidak sama² bertanggong jawab.

ANGGOTA DAN PEMIMPIN

Ada kedengaran orang berkata, "Saya tidak tau apa², itu terserah kepada pegawai² disini." Jadi aneh buanya, seorang anggota menyerah bulat² kuasanya kepada dewan pimpinan, tetapi dia sendiri pula nanti yang menyalah²kan dewan pimpinan itu.

Organisasi yang serupa ini, tidaklah mengandung arti apa², organisasi ini akan runtuh dengan sendiri kelak, kerana keutuhan Partai bukanlah terletak kepada tokoh² pemimpin dan Partai yang tegak diatas pemimpin tidak akan tahan diuji.

Memang banyak para anggota bergerak, atau ikut didalam sesuatu organisasi, adalah semata² karena tokoh, hingga sanggup mendewa²kan tokoh itu. Seorang anggota Partai Rakyat, harus insaf akan hal ini, dan fahamkan dengan sungguh² undang² dasar Partai

itu; sifat egoizem ini adalah salah satu sifat yang ditentang oleh Partai. Orang² serupa ini jika dikeluarkan atau tersingkir dari Partai, memang sudah sewajarnya supaya ia tidak dapat bertinggek didalam Partai Rakyat.

USAHA² JABATAN ORGANISASI
Oleh karena Partai Rakyat Singapura, senentiasa menempuh bergagai² rintangan dan halangan² hingga banyak usaha²nya terbengkalai, renchana tinggal renchana, dan chita² bermain didalam mimpi sahaja. Karena hal² yang tersebut ini, maka jabatan Organisasi telah mengambil anisiatifnya, untuk menggerakkan kembali kelancharan partai, supaya kedudukan partai kalau tidak lebih baik lagi, tetapi dapatlah digerak kembali normal; disamping itu dichuchi mana² yang perlu dichuchi dan dijerumat mana² yang charek dan ditampal jika perlu ditampal.

Badan Organisasi telah menjalankan peranan²nya yang penting, terutama dibidang re-organisasi Partai, penyusunan semula keanggotaan Partai, supaya dapat dilancharkan segala usaha yang selama ini terbengkalai, dan menyuntik mana² yang sakit. Sebanyak sedikit usaha² itu telah pun mendatangkan hasil yang baik, dan segala²nya akan dikemaskin dengan satu susunan yang teratur dan rapi.

Perkara yang disebutkan ini perkara² rumah tangga sendiri, tetapi oleh karena Suara Rakyat ini suara partai, suara sebagai saluran yang memperhubung setiap anggota, maka ruangan ini digunakan untuk alat perhubungan itu, semoga penerangan ini dapat merata sampai kepada segenap anggota, dan segenap anggota dapat berhubung kembali dengan dewan pimpinan Partai.

PERLU PENERANGAN

Kerumitan² yang berlaku selama ini, adalah berpuncha dari asas organisasi, banyak dan sebahagian besar para anggota, amat kurang pengetahuannya tentang organisasi, hingga menyebab-

kan tugas kewajiban tidak berjalan dengan sempurna. Yang mendukachitakan ialah selalu berbangkit perkara salah menyalahkan, tuduh menuduh dan lain² lagi, hingga kekuatan Partai menjadi lemah sama sekali.

Dengan adanya Suara Rakyat ini dapatlah salur penerangan ini digunakan, yang sesuai sebagai tujuan bermula, yaitu Suara Rakyat ini dilahirkan adalah bersifat memberi penerangan dan pendidikan yang sechara tidak langsung Suara Rakyat adalah juga pemimpin. Suara Rakyat adalah ditujukan untuk menambah pengetahuan para anggota, menambah pengertian dan keinsafan, serta bertambah insaf kaum pergerakan akan kewajibannya. Dari itu Suara Rakyat ini sangat mustahak senentiasa berada disisi anggota, seolah-olah anggota tidak bercherai dengan pemimpinnya.

Apa lagi, jika pemimpin² yang tegak diatas tokohnya itu, yang bergerak dengan komplotnya² sendiri, hal ini jua adalah menjadi musuh kepada Partai Rakyat, Partai Rakyat tidak akan silu² kelak mengingkirkan orang² yang bersifat demikian.

ANGGOTA² YANG BERKUASA

Tokoh² yang seperti ini dapat bergerak, ialah karena anggota² Partai, yang hanya ikut² dan turut² sahaja, serta yang mendewa²kan pemimpin; tetapi jika para anggota, telah insaf dan sadar, akan tanggung jawabnya kepada organisasi, dan chita² Partai, tentu sekali, orang² yang seperti ini, akan dengan sidirinya menarik dirinya.

Tokoh² atau komplot ini, adalah dinamakan Oligarchi, yaitu kekuasaan hanya ditangan satu golongan kecil; Golongan kecil berkuasa diatas golongan yang banyak. Awas ini bukanlah asas Partai Rakyat. Partai Rakyat adalah berdasarkan Demokrasi, yaitu rakyat berkuasa diatas dirinya sendiri.

Badan penerangan menyeri "Ber-satulah seluruh anggota, pikullah tanggung jawab masing² dan peliharalah demokrasi itu dengan sekuat tenaga."

Bersatupadu Utk Menghadapi Chubaan

(Sebelum Sdr. Ahmad Beostamam memberi uchapannya tepok tangan yang bergemuroh telah kedengaran dalam sidang itu.)

Saudara² Sidang Perwakilan, Partai Buruh Malaya, para tetamu yang terhormat, saya atas nama Front Sosialis Rakyat Malaya menuchapkan setinggi² terima kaseh kapada Partai Buruh Malaya kerana undangannya kepada saya utk memberikan kata sambutan dlm Persidangan Partai Buruh Malaya kali yg kelapan pada petang ini.

Sdr² sekalian, Pengurus sdr², Sdr. Ishak bin Hj. Mohd. tadi telah memberikan uchapanyang panjang kapada sdr² berkenaan dengan kemajuan — kemajuan yang telah dicapai oleh Partai Buruh Malaya. Kata pembukaan dari Sdr. Ishak bin Hj. Mohd. mengatakan PBM telah tertuboh 8 tahun lamanya dan dlm tempoh 8 tahun itu, PBM telah menghadapi berbagai² chubaan, berbagai² halangan dlm perjuangannya. PBM ditubohkan pada waktu Undang² Darurat sedang meningkat, pada waktu keadaan Darurat dnegeri ini sedang menyala hebat. Waktu itu PBM didirikan. Kemudian PBM telah hadap berbagai² halangan dan halangan ini, chubaan ini telah ditempoh oleh PBM dengan patuh, sehingga sekarang PBM tetapi berdiri. (Tepok tangan terlalu hebat.)

UNDANG² DARURAT

Sdr² Sidang Perwakilan sekalian. Ini hanyalah chubaan, ini hanyalah halangan kali yang pertama, ibarat chubaan, sdr² ini hanyalah chubaan yang kecil, chubaan yang tidak besar maananya bagi satu Partai yang berjuang untuk rakyat (tepok tangan yang hebat); sdr² Darurat menyebabkan sdr² menghadapi chubaan. Memang sdr². Darurat telah menjadi bencana kepada negeri ini, Darurat telah memakan korban rakyat negeri ini sdr², sekarang Darurat sudah tidak ada lagi, sekarang Darurat sudah di-tamatkan kata Pemerentah. Sambutan besar-an telah diadakan diseluroh Tanah Ayer ini untuk menyambut tamatnya Darurat itu. Dan saudara², PBM, PRM dan FSRM tidak serta dalam perayaan menyambut tamatnya darurat ini. Kenapa? Saudara², pehak lawan mengatakan, pehak lawan menuju bahwa kita dari PBM, kita dari PRM adalah orang yang tidak taat setia kepada negeri ini. Sdr², kepada orang² itu kita harus katakan, kepada orang² itu kita harus nyatakan bahawa kalau kita tinjau², kalau kita kaji² pengorbanan terhadap Darurat lebih diberi rakyat negeri ini daripada yang diberikan oleh pember² yang besar² itu sdr² (tepok tangan hebat sekali). Kalau mereka itu hanya mengatakan keadaan ini Darurat kita harus menentang Komunis, tetapi mereka itu berchakap dan berkata diIstana besar², kita rakyat dikampung² didesa² menghadapi Darurat itu. Ribuan rakyat negeri ini sdr² telah menjadi korban tahanan, telah masuk kedlm tahanan sdr². Kerana apa? Kerana Darurat. Bukan orang kita ditahan, tapi anak isteri dari orang ini, famili dari orang ini juga turut terkorban sdr². Kita meminta Darurat ditamatkan bukan dari sekarang, kita meminta Darurat ditamatkan berbelas tahun dahulu, kalau sdr² kaji, kalau sdr tinjau tiap² keputusan dlm persidangan sdr² tentu ada terchait suatu ketetapan, suatu keputusan meminta Darurat ditamatkan. Tetapi sdr², disamping orang itu mengatakan Darurat sudah tamat, pada hari tamatnya Darurat itu sdr² maseh ada orang² kita dan juga penyokong² kita terus dlm tahanan. DiMuar dan di-Batu Gajah Orang² Tahanan ini mengadakan mogok lapar, kerana mereka itu menen-

(Uchapian Sdr. Ahmad Beostamam didalam Persidangan P.B.M. Yang Ke-8)

semuanya ini sdr² tidak seharusnya meninbulkan rasa takut, rasa gentar dlm jiwa kita, sebab kita sdr² bukan berjuang untuk kita semata², kita berjuang untuk rakyat ramai, kita berjuang untuk keturunan kita yang dibelakang. Dan kalau untuk ini sdr², korban perlu kita berikan, mari kita berikan pengkorbanan itu untuk keturunan kita dibelakang nanti.

PERSATUAN

Saudara², dalam perjuangan, kita harus selamanya memikirkan saudara² untuk menegakkan, untuk membesarkan perjuangan kita itu. Dan ini saudara², hanya dapat kita lakukan, hanya dapat kita laksanakan kalau kita berperang kapada dua dasar. Satu saudara², dasar persatuan, kedua saudara², dasar disiplin. Kita harus memperkuatkan persatuan dikalangan kita, dan disamping itu kita harus pula memperkuatkan disiplin dikalangan kita. Saudara², tanpa persatuan, dengan tidak adanya persatuan tidak ada perpaduan. Dan jika tidak ada perpaduan saudara² kita akan pecah. Saya mengharap saudara², kepada pemimpin dan anggota PBM kapada seluroh pemimpin dan anggota PRM kapada seluroh pemimpin dan anggota FSRM supaya menitik beratkan soal persatuan dan perpaduan dikalangan kita. Saudara² sebagai sebuah Partai rakyat sebagai sebuah Partai yang didukung oleh rakyat, saudara², kita maseh berkurangan tokoh², kita maseh kekurangan pemimpin². Kalau tokoh² kalau pemimpin² kita itu saudara² tidak bersatu dan bulat; kalau pemimpin² dan tokoh² kita itu berchakaran sesama sendiri, berkelahi sesama sendiri maka bilakah saudara²? akan lahir persatuan dan akan lahir perpaduan dikalangan kita. Saya mengharap soal peribadi, soal diri, soal titik benek diantara kita sama kita diantara pemimpin sama pemimpin dikalangan kita harus kita kesampingkan demi kepentingan Partai. Soal peribadi soal diri kita tinggalkan kebelakuan, kita harap soal perjuangan. Bila ini dapat kita lakukan saudara² maka akan lahirlah perpaduan, maka akan lahirlah persatuan, tidak ada berchakaran diantara kita sama kita, diantara pemimpin sama pemimpin. Tetapi saudara², persatuan dan perpaduan sahaja maseh belum chukup; persatuan dan perpaduan harus ditambah saudara², dengan disiplin. Sebab saudara², kalau kita bersatu, kalau kita berpadu, kalau tidak berchakaran sesama sendiri, tetapi kalau setiap kita setiap pemimpin kita mengikut kehendak hatinya masing², mengikut rasa hatinya masing², mengikut kemahuan hatinya masing², jalannya ikut hatinya masing², kita akan kembali berpecah. Jadi persatuan dan perpaduan sahaja tidak chukup. Kita harus ada pula disiplin.

DISIPLIN

Apakah yang dimaksudkan dengan disiplin ini saudara²? Bukan namanya, kalau saudara² dikehendaki mengikut sahaja perintah dari atas, mengikut sahaja perintah dari satu orang ini saudara² melanggar disiplin, bukan itu saudara². Apa yang saya maksudkan dengan disiplin ialah misalnya Persidangan saudara² hari ini dan esok memutuskan beberapa masalah, beberapa soal yang harus saudara perjuangkan dengan keputusan terbanyak. Ini sudah menjadi tugas kewajipan saudara² tugas kewajipan harus dilaksanakan. Jadi ini harus dilaksanakan dengan pemimpin² berdasarkan keputusan saudara² Pemimpin² dan saudara² menjalankan tugas itu begini,-begini-begini. Saudara² harus patuh menjalankan keputusan² yang



saudara² buat ini. Jika saudara² tidak patuh, "Ini bukan kerja saya, ini kerja orang itu." "Ini bukan tanggong jawab saya, ini tanggong jawab orang itu." disiroh mereka melakukan tak mau, maka tidak ada disiplin. Dan tidak ada disiplin maka apa pun tidak akan berlaku saudara², terutama sekali dalam gerakan tentera dalam army seumpamanya saudara². Disiplin ini perlu. Pasukan tentera yang tidak mempunyai disiplin saudara² walaupun bagaimana besar pun jumlahnya, walau bagaimana besar jumlah anggotanya, tetapi tentera sedemikian itu tidak kuat, satu jam berjuang barang kali sudah mengangkat tangan mengaku kalah. Kerana apa? Kerana tidak ada disiplin. Tetapi saudara² meskipun anggota jumlah pasukan itu sedikit, tetapi kerana ada disiplinnya dan patuh kepada disiplin, anggota yang sedikit itu saudara² mungkin dapat mengalahkan anggota yang banyak yang tidak mempunyai disiplin itu. Jadi inilah dua soal yang penting saudara² yang harus saudara rumuskan dalam persidangan saudara² ini, perpaduan sesama kita dan disiplin untuk kita bersama.

SOAL NASIONAL

Sdr² sebagaimana yang sdr² semua maklum FSRM dianggotai oleh PBM dan PRM, selama ini sdr² kita berasa gembira kerana soal² nasional soal² kepentingan bersama untuk seluroh rakyat negeri ini diputuskan oleh FSRM dan keputusan ini dipatuhii oleh PBM dan PRM bersama. Saya mengharap supaya keadaan yang demikian ini terus kita jalankan, akan merugikan kita saudara² kalau Partai² yang menjadi anggota FSRM ini mahu mempunyai kuasanya yang sendiri dalam menentukan soal² nasional, kalau keadaan yang demikian ini berlaku saudara² maka akan timbul kachau bilau sesama kita, sebab soal² nasional adalah soal yang meliputi kita semua seluruhnya, kalau PRM mahu memutuskan soal² nasional begini, PBM memutuskan soal² nasional begini, dan kedua-dua Partai ini masing² berkehendakkan dengan keputusannya, maka akan satu saja akan timbul pertentangan diantara Partai ini. Jadi saya mengharap supaya soal² nasional, soal² yang meliputi kepentingan selurohnya rakyat, kita serahkan untuk diputuskan oleh FSRM yang dianggotai oleh PBM dan PRM. Sebolehnya saudara² kita harus menyekat setiap Partai ini mengambil keputusan² nasional yang mungkin saudara² tidak dapat disetujui oleh kedua Partai. Soal yang tidak meliputi nasional dan lain² itu memang boleh diputuskan oleh masing² Partai, tapi soal² nasional haruslah kita serahkan untuk diputuskan oleh gabungan kedua Partai itu - yaitu FSRM. Dan Partai ini saudara² hanya akan menjalankan keputusan FSRM itu, sebab sebagaimana yang saudara² maklum FSRM itu di dalamnya duduk wakil² yang tertinggi dari PBM dan wakil² PRM, tentulah keputusan ini lebih besar lebih tinggi saudara² dari keputusan PRM umpamanya dan keputusan PBM umpamanya.

Akhirnya saudara² saya mengucapkan kapada persidangan Partai Buruh Malaya hari ini, selamat bersidang dan selamat mencapai tujuan² yang baik untuk rakyat seluruhnya. Sekian saudara² terima kasih (tepok tangan yang hebat).

Khrushchev di Bangsa2 Bersatu

Bulan ini merupakan satu bulan yang sangat bersejarah sekali dalam dunia, kerana pada bulan inilah segala ketua² Negara dari block barat timur dan kominis telah berhimpun di New York. Mereka datang kerana persidangan dalam Bangsa² Bersatu untuk merundingkan berbagai² masalah dunia pada masa ini, terutama sekali mengenai kerisis politik di Congo. Inilah jolong² kali bagi beberapa ketua² Negara dari block kominis datang kepersidangan yang penting di B.B. Oleh kerana memandangkan bahawa persidangan di B.B. kali ini adalah suatu persidangan yang sangat penting sekali, maka saya rasa ada eloknya kalau kita turut membincangkan sadikit sebanyak masalah² dunia ini, dari kacha mata pandangan kita sendiri.

Suatu peristiwa yang sangat penting sekali, dalam sejarah B.B. yang mungkin belum pernah terjadi selama ini, ialah peri adanya Tuan Nikita Khrushchev P.M. Soviet, mengusulkan bahawa B.B. harus disusun kembali dengan suatu keadaan yang sangat berlainan dari sekarang ini, iaitu dengan mengadakan Sekritari 3 orang untuk mengantikan Setiausaha Agong B.B. yang ada sekarang ini. Tuan Nikita juga telah mengusulkan bahawa Ibu Pejabat B.B. itu dipindahkan disuatu tempat yang lebih sesuai dari Kota New York. Yang lebih hibat lagi bilamana Tuan Nikita telah membidas dengan chara yang sangat hibat sekali kepada Tuan Dag Hammarskjöld, Setiausaha Agong B.B. yang menurut katanya telah menjadi tali barut kepada Negara² Barat dalam masalah Congo. Ranchangan Tuan Nikita hendak membentuk 3 orang Sekritaris B.B. yang meliputi tiga Block dunia, iaitu block Barat, Kominis, dan Negara berkechualui, sebagai mana ramalan Tuan Nikita sendiri ini akan menyelesaikan masalah perluchutan senjata dengan keadaan yang lebih baik dari sekarang ini.

Tuan Nikita juga telah menegaskan bahawa "Perbentukkan satu pasukan tentera Internasional dibawah saorang pegawai seperti Tuan Dag itu, tidak mungkin terlaksana, kerana katanya Tuan Dag Setiausaha Agong B.B. itu ialah saorang "tokoh kuasa² Imperialis" demikian ketegasan yang telah menggemparkan sidang B.B. yang telah dibuat oleh saorang kepala Negara seperti Tuan Nikita itu.

Kegemparan sidang B.B. mengenai masalah Congo yang telah disebut² kan oleh Tuan Nikita dalam uchapannya tetkala berchakap atas masalah tersebut, nampaknya telah menyebabkan pehak Barat merasa tidak senang hati dengan adanya perang dingin yang dilancharkan oleh P.M. Russia itu, terutama sekali terhadap Tuan Dag Hammarskjöld Setiausaha Agong B.B. yg. sangat tersinggong dengan bidasan Tuan Nikita terhadap dirinya, Tuan Dag selaku setiausaha Agong B.B. telah dikatakan tidak bijak dan telah tersalah menggunakan kuasanya terhadap kerisis yang berlaku di Congo, ini telah diterangkan oleh Tuan Nikita dengan suatu kenyataan yang sangat pedas sekali terhadap sikap Tuan Dag itu, sebaliknya pehak barat pula telah menuduh pehak Soviet Russia telah mencheruboh dan champur tangan dengan chara langsung atas masalah di Congo. Tuduh menuduh ini telah berlaku dipersidangan B.B. itu, dan adalah sangat dikesalkan bahawa persi-

dangan yang bersejarah itu, telah menjadi seperti suatu gelenggang "peperangan dingin" untuk mendapat pengaruh antara block Barat dan kominis.

Sementara itu ada pula suara dari beberapa Negara yang berkechualui seperti India, yang telah menyatakan pendapatnya mengenai chadangan Tuan Nikita itu, yang mengusulkan supaya diadakan 3 orang Sekritaris dari tiga block Kominis, Barat dan Negara Berkechualui. Tuan Nehru P.M. India tetkala menyatakan pendapatnya berkata bahawa "Saya tidak dapat memahamkan bagaimana sebuah jawatan kuasa atau seruanjaya dapat berjalan dengan lancar, pada himat saya kedudukan B.B. tidak pernah kuat seperti sekarang ini sejak ditubuhkan". Dengan ini nyatalah kepada kita bahawa Tuan Nehru tidak bersetuju dengan chadangan dari Tuan Nikita itu, malah beliau tetap bersetuju supaya B.B. berada dalam keadaan yang lama.

Dan ini yang diperjuangkan oleh Negara² Barat, supaya Pejabat B.B. tetap di Kota New York, dan kuasa tertingginya terpegang dalam tangan Setiausaha Agongnya, seperti sekarang ini, dimana Tuan Dag Hammarskjöld dapat memainkan peranan yang penting.

Tetapi.....kepada Tuan Nikita pula chara ini, nampaknya adalah merugikan block kominisnya, dari itu be-

liau telah menchadangkan supaya chara² lama itu dipinda dengan suatu chara baru dalam pentadbiran B.B. Sama ada masalah ini mendapat sukungan ramai dari Negara² lain, maseh lagi merupakan tanda tanya kepada kita, tetapi nyatalah bahawa Tuan Nikita telah begitu berani dengan sikapnya yang tegas membawa chadangannya terhadap persidangan B.B. pada kali ini, keberanian Tuan Nikita itu menyebabkan beliau dianggap sebagai saorong Hiro dalam B.B. Beliau bukan saja telah menggemparkan persidangan itu, malah telah menjadi sebagai saorong kepala Negara yang menjadi pelupur bagi kepala² Negara timur dan barat untuk datang kepersidangan B.B. pada kali ini. Inilah suatu peristiwa yang sangat bersejarah kepada B.B. selama ini.

Mengenai masalah perluchutan senjata juga telah disebut² kan oleh Tuan Nikita dalam persidangan itu, malah beliau berpendapat bahawa inilah suatu kesempatan yang agak baik kiranya kepala² Negara dari kuasa² besar dapat bersama² merundingkan masalah perluchutan senjata itu. Tetapi.....nampaknya harapan Tuan Nikita itu tidak berhasil, kerana beberapa orang kepala Negara dari kuasa besar block barat telah menganggap sepi kemauan dari Tuan Nikita itu. Mungkin mereka merasa kesewa terhadap gagal-

nya persidangan kemunchak tempuh hari diParis. Yang mana setengah kalangan politik mengatakan bahawa Tuan Nikitalah yang telah menyababkan persidangan kemunchak itu gagal.

Selagi usaha untuk mendamaikan kedua² Negara itu, iaitu Soviet Russia dan Amerika, belum dapat dijalankan dengan sempurna, maka selagi itu suatu usaha untuk merundingkan masalah "Perluchutan senjata" ta' akan dapat dilaksanakan dengan mudah. Dan selama itulah kemungkinan meletusnya perang dunia yang ketiga memang ta' dapat dielakkan.

Hakikat ini memang telah disadari oleh pemimpin² dunia, seperti Tuan Nehru, dll. tetapi untuk melaksanakan suatu tugas kearah itu, maseh belum dapat diusahakan lagi, kerana tugas ini ialah suatu tugas yang sangat berat untuk dipikul. Yang demikian hingga kini kita belum mendapat lagi ada kemungkinan bahawa suatu persidangan kemunchak dapat diadakan lagi demi keamanan dunia.

Perhimpunan B.B. yang baru mengadakan persidangannya itu, juga ta' dapat meneburkan hasil² itu, namun saya nampak persidangan kali ini adalah lebih hibat lagi dari masa² yang sudah, malangnya persidangan kali ini ta' dapat menghasilkan suatu langkah yang baik, malah telah menkeruhkan suasana keamanan dalam dunia.

Soal kemasukan R.R.T. kedalam B.B.

Masalah kemasukan R.R.T. kedalam B.B. telah lama diperjuangkan oleh beberapa negara socialis, terutama sekali Negara Soviet Russia. Namun demikian masalah ini maseh merupakan suatu masalah yang belum selesai lagi hingga kehari ini, baru ini kita telah mendengar pula dari Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri P.T.M., menyuarakan bahawa Negara R.R.T. itu patut di-masukkan ke dalam B.B. tetapi dengan sharat bahwa Negara Formosa juga akan diiktiraf sebagai sebuah negara rakyat orang² Tionghua yang kedua, di-B.B. Sharat yang telah diberikan oleh

yang berada didalam B.B.

Maskipun telah beberapa kali wakil dari Soviet Union memperjuangkan masalah kemasukan negara R.R.T. itu kedalam B.B. Tetapi ini tidaklah berarti bahawa masalah ini telah dapat suatu perhatian yang baik dari negara² lain, terutama sekali terhadap negara² dari barat. Malah pernah kita mendengar bahawa beberapa bangkangan telah di-suarkan terhadap masalah ini oleh negara² blok barat itu. Negara² barat yang tidak menyertuji kemasukan R.R.T. kedalam B.B. juga telah beberapa kali memberikan alasan²nya, bahawa negara ini belum sampai masanya diterima oleh B.B. sebagai anggota yang sah.

Sementara itu negara² berkechualui seperti India, Masir, Indonesia, Ghana Dll, juga telah menchuba sedaya upaya mereka agar negara R.R.T. itu dapat diterima sebagai anggota B.B. tetapi langkah ini juga telah menemui kegalan.

Yang demikian hingga kini negara R.R.T. itu maseh belum diterima lagi sebagai anggota yang sah dalam B.B. Hingga bilakah negara besar ini dapat diterima masuk dalam lingkungan B.B. maseh menjadi tanda tanya lagi kepada kita, tetapi memandang perkembangan politik yang ada sekarang ini nyatalah kepada kita bahawa kemasukan R.R.T. kedalam B.B. hanyalah soal masa bila saja.

Kita berpendapat bahawa sudahlah sampai masanya, masalah ini ditimbangkan dengan chermat oleh Kepala² negara yang telah berhimpun di-B.B.

dalam usaha mereka membincangkan masalah² dunia hari ini. Oleh kerana masalah kemasukan negara R.R.T. kedalam B.B. adalah suatu masalah besar dunia, maka sudahlah semestinya masalah ini dirundingkan dengan bijaksana oleh Kepala² negara, dari Timur dan Barat.

Adalah tidak bijak sekali bahawa perkara yang begitu penting, diabaikan dengan begitu saja, dalam masa persidangan penting B.B. yang juga merupakan suatu persidangan Kemunchak sechara tidak langsung di-kota New York.

Walau macham mana pun hibatnya masalah kemasukan R.R.T. kedalam B.B. itu, namun disuatu masa nanti masalah ini akan dapat diselesaikan juga oleh negara² yang berada di dalam B.B. itu, hanya menantikan ketikanya saja, sungguh pun begitu tidaklah berarti bahawa perkara ini, dapat diatasi dengan mudah.

Mahu atau tidak mahu negara² barat terhadap kemasukan R.R.T. itu kedalam B.B. ini tidak berarti bahawa masalah negara R.R.T. itu tetap didalam genggaman tangan negara² barat. Selagi ada negara² lain yang memperjuangkan nasib negara R.R.T. itu, maka selama itulah keadaan negara itu akan tetap dipandang sebagai suatu masalah besar dunia yang mesti diselesaikan dengan segera. Jika tidak kita takut kalau² masalah ini akan menimbulkan api "Keruncingan dunia" bertambah marak lagi.

Oleh "Marhainis"

Tingkatan 2 Masharakat dan Perkembangannya

MASHARAKAT FEODAL

Dalam masharakat feodal bekas² budak dapat mengerjakan tanah untuk sendiri dengan sharat harus menyertakan sebahagian yang terpenting dari pada kerjanya kepada tuantanah feodal. Disini pembagian antara hasil kerja-perlu dan hasil kerja-lebih yang dirampas oleh tuantanah feodal menjadi jelas. Kedudukan kaum tani sedikit bebas, jika dibandingkan dengan kaum budak. Kerana itu kaum tani akan bekerja lebih produktif jika dibandingkan dengan kaum budak. Pada umumnya kaum tani sudah tidak boleh dibunuh sechara se-wenang² seperti halnya dengan budak. Kaum tani bukan budak tetapi hamba dan bekerja chuma², menyertakan bagian terbesar dari hasil tanaman.

Jika dalam masharakat perbudakan pertentangan pokok adalah antara tuanbudak dan budak, maka pertentangan yang pokok dalam masharakat feodal ialah pertentangan antara tuantanah feodal (raja², bangsawan², pendeta²) dengan kaum tani.

Sistem Masharakat Feodalizem

Sistem masharakat feodalizem adalah satu sistem masharakat dimana tanah, alat produksi pokok, dikuasai sepenuhnya oleh tuantanah feodal dan dimana tani, produsen pokok, dikuasai sechara terbatas oleh tuantanah feodal. Jadi sistem feodalizem itu lahir se-kali² bukan karena perbedaan manusia satu dengan yang lainnya berdasarkan keturunan darah.

Pada pokoknya dasar kekuasaan feodal adalah hak milik mereka atas tanah yang tidak terbatas dan hak milik mereka yang terbatas atas tanah-hamba. Tanah merupakan alat produksi yang pokok dalam masharakat feodal, sedangkan kaum tani bekerja sebagai hamba. Kaum tani hamba ini pada umumnya memang berbeda dengan kaumbudak yang memang dapat dibunuh dengan begitu saja. Kaum tani dalam masharakat feodal pada umumnya dapat dibunuh seperti dalam zaman perbudakan, tetapi mereka bisa diperjual-belikan.

Dalam masharakat perbudakan, alat negara dikuasai oleh kaum pemilik budak. Alat inilah yang memberi kemungkinan untuk memerintah dan menindas kaumbudak. Dalam masharakat feodal, negara sebagai alat adalah kepunyaan tuantanah feodal untuk mempertahankan penghisapan feodal mereka. Hak milik tuantanah atas tanah berarti pula hak milik negara atas tanah. Dan ini mempunyai arti yang besar sekali, karena selain hal ini berarti, bahwa kaum feodal juga berkuasa atas ayer, turusan dsb. Singkatnya mereka berkuasa penuh atas segala²-nya. Kaum tani, tukang kerajinan tangan dan pedagang menderita penghisapan feodal yang berat, terutama kaumtaninya. Mereka diwajibkan bekerja dengan chuma² untuk para bangsawan, diwajibkan bekerja untuk membangunkan istana², diwajibkan membuat saluran², dalam keadaan perang, mereka diwajibkan menjadi prajurit memenangkan peperangan, disamping kewajipan mereka yang terpokok ialah menyertor-hasil taninya. Mereka diharuskan membayar pajak yang tinggi untuk mengongsi keperluan administrasi kerajaan feodal dan pengeluaran lainnya, disamping perongkosan untuk tentara, disamping penghisapan diluar ekonomi lainnya. Ini menunjukkan bahwa tentara yang terdiri dari kaum tani dan dibayai oleh kaum tani digunakan oleh raja untuk menindas kaum tani.

Nagara Feodalis

Dalam kerajaan feodal yang agak besar, raja merupakan kekuasaan yang tertinggi dan ia berhak mengangkat pembesar² untuk pemerintahan pusat dan pembesar² daerah untuk menguruskan angkatan perang, pengadilan, pembendaharaan negara dan gudang² makanan. Dengan demikian, raja² tersebut hanya akan menguasai sebahagian kecil dari daerah kekuasaannya sechara lansung, sedangkan yang selbihnya dikuasakan kepada bangsawan lainnya, sebagai wakil raja. Wakil² raja tadi menjalankan pemerintahan, pengadilan dan pembuat undang². Wakil² raja ini berkewajiban untuk mengumpulkan setoran hasil tanaman kaum tani untuk keperluannya sendiri dan untuk raja. Sebagai hasilnya kaum tani menderita penindasan yang berlapis-lapis. Penindasan berlapis-lapis ini, membikin timbulnya perpecahan diantara kerajaan² yang memberi pengaruh dikalangan rakyat.

Pertentangan dan perlawanannya kecil terhadap raja² Pusat, dikatakan mempunyai bentuk² yang chusus, karena pertentangan feodal itu membikin kaum tani menjadi alat bagi kaum feodal dalam peperangan mereka.

Kemunduran Ekonomi

Dalam masharakat feodal klas² pokok yang menciptakan kebudayaan adalah kaum tani dan kaumkerajinan tangan, sedangkan tuantanah dan klikinya (raja², bangsawan², pendeta² dan penggawa²) adalah sama sekali tidak produktif, sebaliknya mereka mengisap dan menindas golongan yang sangat terbesar dari pada Rakyat. Penghisapan ekonomi dan penindasan politik feodal yang kejam pada dasarnya menghambat perkembangan ekonomi dan perkembangan politik Tukang kerajinan tangan dikuasai dan dirintangi perkembangannya oleh feodalizem, meskipun mereka sudah pandai membikin barang² dari besi tembaga, kulit penyusun. Barang ini pun tidak dibikin untuk menchukupi keperluan pasar. Pertukaran diantara penduduk maupun dengan orang luar. Misalnya antara raja dan pembesar² lainnya memang ada tetapi ia tidak bersifat menentukan.

Oleh: M. Limin

Perdagangan dilakukan oleh raja² feodal ini, hanya untuk kepentingan raja² itu sendiri. Hal ini disebabkan karena yang pokok dalam masharakat feodal ialah ekonomi alamiah untuk keperluan pribadi raja² feodal dan bangsawan²nya, yang pada dasarnya disandarkan atas hak milik mereka atas tanah dan hak milik mereka yang terbatas atas tanah hamba.

Akibat dari sistem feodalizem yang menindas dan menghisap kaum tani dan kaumkerajinan tangan sebagai klas² pokok yang menitikberatkan kebudayaan dankekayaan, ialah kemiskinan dan kemerlakatan. Penghisapan ekonomi, sosial maupun kebudayaan menjadi terbelakang.

Pemberontakan Kaum tani

Hubungan produksi feodal dengan sistem ketatanegaraannya yang berlapis-lapis menghambat perkembangan tenaga² produktif, sehingga terjadilah perjuangan yang sengit antara kaum tani dengan raja² feodal baik dipusat maupun setempat. Setiap penindasan akan menimbulkan perlawanannya. Bagaimanapun juga penindasan feodal akan pasti menimbulkan perlawanannya kaum tani yang ditindas melawan kekuasaan tuantanah. Pada pokoknya pemberontakan ini memang berhasil menjatuh-

kan raja² yang satu, tetapi ia tidak dapat mempraktikkan kekuasaannya atas dasar sistem yang demokratik. Ia malahan mengatakan raja yang lain, sehingga dengan demikian sistem feodalizem tidak diroboh. Mereka boleh merebut kekuasaan, tetapi belum mengetahui sistem apa yang chochok untuk mempraktekkan kekuasaan tsb.

Hal ini memang disebabkan karena kaum tani adalah kaum pemilik perseorangan yang kecil yang tidak mewakili hubungan produksi yang baru. Pembentukan dicetuskan sechara spontan, karena kebenaran mereka terhadap tuantanah, tetapi mereka belum mampu menyusun satu program agraris yang revolusioner.

Pemberontakan itu gagal mereka tidak berhasil mengubah hubungan ekonomi dan sistem politik, tetapi adalah keliru untuk mengatakan pemberontakan itu merupakan kegagalan yang total. Ia membawa perubahan dan kemajuan sosial yaitu kaum tani menjadi terlatih dalam peperangan dan raja² yang dinaikkan keatas takhta kerajaan terpaksa pula memberikan keringanan atau menghapuskan beberapa bentuk penghisapan yang paling kejam. Pemberontakan itu bersifat melemahkan dan akhirnya akan meruntuhkan samasekali feodalizem.

(bersambung)

Berita Partai:

PENUBUHAN RANTING KAMPONG KEMBANGAN

Suatu ranting baru iaitu Ranting Partai Rakyat Kawasan Kembangan telah ditubuhkan pada hari Ahad 18hb September 1960 bertempat di Panggong Wayang Gambar Central Jalan Eunos Singapura, kira² lima puluh orang anggota dan wakil² dari ranting² telah turut hadir.


Jawatan Kuasa Ranting Kembangan yang telah terpilih:—

1. Ketua 1 sdr. Syed Othman Bin Yahaya. Ketua 2 Sdr. Amir Haji Omar.
2. Setiausaha 1 sdr. M.N. Yahaya. Setiausaha 2 sdr. A. Aziz Matar. Bendahari sdr. Haji Latiff dan 4 orang

pembantu umum. 1 sdr. A. Kader Sulaiman, 2 sdr. Aris, 3 sdr. Abu Bakar Mohd. Salleh dan 4 sdr. A. Rahman B.

Antara pegawai² yang telah memberi uchapan dalam majlis penubuhan itu ialah:—

1. Sdr. Harun Amin Ketua 1 Partai Rakyat Negeri Singapura.
2. Sdr. Amir Haji Omar Setiausaha 1.
3. Sdr. A. Salam Ayob Ketua Penerangan.
4. Sdr. Pang Toon Tin Ketua 2 P.R. Negeri Singapura.
5. Sdr. M.N. Yahaya P. Setiausaha dan semua wakil² ranting.



Persidangan Kebangsaan Partai Buroh Mala- ya yang Ke8 telah diadakan di Dewan Jubli Intan Johor Baru, pada 20 dan 21 Sept. 1960.

Gambar ini ialah pembukaan Persidangan yang berlangsung pada petang hari 20 hb September.

Banyak se kali anggota² P. B. M. t e l a h menghadiri Persidangan ini jika dibandingkan dengan Persidangan² yang lalu. Persidangan ini telah berjaya dalam mencapai keputusan² yang penting